

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, November 12, 2019 8:56 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: TUBE Latih Belia Jadi Usahawan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 NOVEMBER 2019 / 15 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

TUBE LATIH BELIA JADI USAHAWAN



UUM ONLINE: Bagi melatih golongan belia untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan, seramai 513 belia termasuk 29 peserta terdiri orang kelainan upaya (OKU) telah dipilih menyertai program Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE) 6.0 2019 dan mengikuti latihan di enam kem seluruh negara.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mohd Hatta Md Ramli berkata, kesemua peserta terpilih akan melalui tiga fasa bagi mempersiapkan diri untuk memulakan perniagaan agar mempunyai daya tahan dari aspek fizikal dan mental dalam usaha meningkatkan bilangan usahawan baru berjaya dan memberi impak kepada ekosistem keusahawanan di Malaysia.

Menurutnya, kementerian komited dalam usaha membentuk dasar dan inisiatif pembangunan usahawan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) supaya lebih holistik, bersepadu dan bersasar.

Katanya, Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 yang telah diperkenalkan Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) adalah merupakan pelan hala tuju untuk meningkatkan bilangan usahawan yang lebih berkualiti serta mempunyai pemikiran global dan kompetitif.

"Lima objektif telah ditetapkan iaitu mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik; membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan; meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif; meningkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi dan menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

"Bagi mencapai matlamat ini, pemerkasaan keusahawanan dalam kalangan belia sama ada Bumiputera, wanita, golongan B40 dan OKU telah ditekankan dalam DKN 2030," katanya pada Majlis Perasmian TUBE 6.0 Peringkat Kebangsaan di Kem Sintok, kelmarin.

Beliau berkata, program TUBE itu dilihat sebagai salah satu usaha kerajaan dalam mempersiapkan usahawan muda baharu untuk terlibat dalam keusahawanan dan secara tidak langsung 'keusahawanan sebagai kerjaya pilihan' telah diterapkan apabila 4,422 belia telah dilatih untuk menceburi bidang perniagaan.

Menurutnya, bagi meningkatkan rangkaian perniagaan dan kerjasama dalam kalangan peserta program, sebanyak 13 Persatuan TUBE Negeri telah ditubuhkan di setiap negeri.

Katanya, adalah menjadi harapannya agar semua peserta dalam memanfaatkan segala ilmu dan pengetahuan tentang ekosistem perniagaan yang diperolehi sepanjang latihan dijalankan bagi meningkatkan keupayaan diri, seterusnya menyumbang kepada ekonomi keluarga dan negara.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pelancongan, Seni dan Budaya, Pembangunan Usahawan, Mohd Asmirul Anuar Aris; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Noor Azmi Mat Said dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.